

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 19/9/2013

Muka surat: 5

Tajuk : Skop Iktiraf Kecemerlangan Unimas Diperluas Tahun Depan.



RAKAM KENANGAN ... Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani (empat kanan) merakamkan kenangan bersama pemenang Anugerah Inovasi Naib Canselor yang merupakan anugerah pengiktirafan tertinggi UNIMAS.

Skop iktiraf kecemerlangan Unimas diperluas tahun depan

ZAPHNE PHILIP

KOTA SAMARAHAN, Rabu — Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengadakan Majlis Anugerah Gemilang (MAGU) 2013 yang bertempat di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA di sini, hari ini.

Naib Canselor, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, MAGU merupakan acara tahunan yang telah diadakan sejak 2006 bagi mengiktiraf dan meraikan kecemerlangan serta khidmat bakti staf.

"Pengiktirafan dalam bentuk anugerah kecemerlangan ini merupakan salah satu usaha murni UNIMAS di dalam manifestasi keprihatinan UNIMAS terhadap keperluan modal insan berkualiti serta berbudaya berprestasi tinggi."

"Sesungguhnya saya amat berbangga dengan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh para pegawai di dalam perkhidmatan mereka. Diharap ia dapat dijadikan contoh dan dorongan kepada yang lain untuk mengorak langkah yang sama,"

katanya ketika berucap pada majlis MAGU.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Anugerah Inovasi Naib Canselor (AINC) yang diperkenalkan pada tahun 2011 merupakan anugerah utama yang menjadi rebutan setiap PTJ dan ia merupakan pengiktirafan tertinggi UNIMAS.

"Pengiktirafan ini hanya akan diberi kepada PTJ yang telah berjaya mencetuskan perubahan dan kreativiti di dalam meningkatkan kecekapan yang berimpak tinggi kepada universiti."

"Skop pengiktirafan kecemerlangan akan diperluaskan lagi pada tahun hadapan bagi menggalakkan budaya kerja cemerlang dan berinovasi dalam pelaksanaan tugas dan menjadikan UNIMAS seperti yang kita harapkan," katanya.

Jelasnya, usaha UNIMAS dalam memacu kecemerlangan pendidikan tinggi bagi mencapai hasrat menjadikan sebuah universiti unggul dan pilihan rantaui tidak akan tercapai tanpa sokongan dan komitmen padu daripada warganya.

"Justeru, staf UNIMAS perlu berhijrah ke arah "the thinking public

service" yang mampu berfikir di luar kotak dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan serta dituntut untuk melakukan lompatan berganda dalam produktiviti," katan ya.

Dalam pada itu, turut dilancarkan adalah UNIMAS Streetview bagi membolehkan orang awam mengenali UNIMAS dengan lebih dekat di samping dapat melihat suasana di kampus secara sepiantas lalu dan ia boleh ditonton meneruskan laman web rasmi UNIMAS.

Pada majlis tersebut, seramai 179 orang staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Setia dan sebanyak 17 kategori anugerah telah disampaikan, antaranya Outstanding Onlie Course Award, Best Researcher Award, Anugerah Kepimpinan Pengurusan dan Profesional, Anugerah Galakan Sukan (Lelaki dan Perempuan) dan AINC.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani, Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi dan tamu kehormat yang lain.